

29/09/2002

Di sebalik minum kopi, bersembang

Zain Ayip

KALAU kita singgah di restoran atau warung kopi, apa agaknya yang mereka bualkan sambil makan dan meneguk teh tarik? Orang politik pastinya suka bercerita mengenai ehwal semasa seperti pertandingan Puteri Umno, persaraan Dr Mahathir Mohamad tahun depan, pilihan raya yang semakin dekat dan cerita berkaitan ucapan celupar pemimpin pembangkang.

Ada juga yang berbual mengenai kes pembedahan kembar siam Ahmad-Muhammad, Ras Adiba Radzi dan isu antarabangsa seperti Iraq dan Palestin.

Adakalanya, masalah peribadi juga timbul seperti ketiadaan pekerja termasuk pembantu rumah dan perangai anak, baik yang masih bersekolah mahupun yang sudah meningkat remaja. Si bujang bercerita mengenai kereta dan motosikal baru, selain mengenai pasangan masing-masing.

Begitulah tabiat orang kita -makan sekeping roti canai atau sepinggan mi goreng yang sepatutnya setengah jam saja, tapi melarat satu atau dua jam hingga terpaksa memesan minuman dan sekotak rokok lagi.

Restoran 24 jam yang kebanyakannya dikendalikan peniaga India Muslim sering menjadi tumpuan. Lazimnya, selepas jam 12 tengah malan, ramai yang sudah tidur atau berehat di rumah, tapi ada juga yang sanggup bersengkang mata semata-mata untuk berbual dengan alasan lama tak bersembang.

Jika sesama rakan sekerja, tentu lain pula ceritanya. Ada yang bersembang mengenai perangai bos mereka, beban tugas yang bertambah, tiada kenaikan gaji dan pangkat selain sikap pilih kasih dan over time disekat.

Orang politik terutama wakil rakyat, pemimpin peringkat cawangan dan bahagian mengangap, bersembang di warung kopi, kantin dan restoran sebagai sebahagian daripada tugasnya. Ini kerana di warung, mereka berpeluang bertemu dengan penduduk setempat tanpa mengira usia atau kedudukan.

Wakil rakyat akan mendengar cerita, berita atau apa juga masalah mereka baik dari segi pendidikan, sosial atau ekonomi. Perjumpaan secara tidak formal dalam sejam dua sebegini memberi peluang kepada rakyat bermesra dan mengadu hal dengan lebih baik dalam sebarang persoalan setempat.

Jika bersembang sebagai salah satu tugas, tidak mengapalah, tapi sebahagian orang kita terlupa bahawa menceritakan hal orang terutama yang negatif boleh menjurus menjadi perbuatan mengumpat.

Islam melarang umatnya mengumpat kerana ia bukan saja mendatangkan dosa kepada pelakunya, malah boleh mencetuskan perbalahan dan permusuhan dalam keluarga, tetangga, rakan sekerja dan masyarakat.

Pengharaman ini ditegaskan al-Quran melalui satu dalil yang menyatakan ibarat kepada seseorang yang mengumpat seperti memakan bangkai saudaranya sendiri.

Allah berfirman yang bermaksud: "Dan janganlah sesetengah kamu mengumpat setengah daripada kamu. Adakah seorang daripada kamu suka makan daging bangkai saudaranya, tentunya kamu semua membenci memakannya." - (Surah al-Hujurat, ayat 12).

Sesungguhnya perumpamaan sedemikian sebenarnya bertujuan menerangkan kepada umat Islam mengenai betapa buruk, busuk dan jijik sifat mengumpat. Ulama tidak berbeza pendapat mengenai takrifan mengumpat. Apa saja kata-kata yang diucap membabitkan perilaku buruk seseorang dikelaskan sebagai mengumpat.

Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah saw yang bermaksud: "Mengumpat itu ialah apabila kamu menyebut perihal saudaramu dengan sesuatu perkara yang dibencinya." (Hadis riwayat Muslim).

Tidak dinafikan mengumpat berlaku sama ada disedari atau sebaliknya. Perbuatan itu termasuk apabila seseorang menceritakan keburukan orang lain biarpun tanpa menyebut nama pelakunya tetapi diketahui ia difahami oleh orang yang mendengarnya.

Harus diingat, dosa mengumpat hanya boleh diampunkan oleh orang yang diumpat. Maknanya, selagi orang yang diumpat tidak mengampunkan, maka dosa itu akan kekal dan akan menerima balasan di akhirat.

Mengumpat juga boleh berlaku ketika bergurau senda, terutama ketika menggunakan perkataan atau perbuatan melambangkan keburukan seseorang.

Rasulullah pernah menegur Siti Aishah kerana berkata; `alangkah pendeknya perempuan itu' kepada seorang perempuan tua yang datang berjumpa dengan baginda. Kata-kata seumpama itu turut dikelaskan sebagai mengumpat kerana menyebut kelemahan sifat orang lain.

Walaupun perbuatan menceritakan keburukan seseorang kepada orang lain amat dilarang dan berdosa besar, ada masanya seseorang diharuskan berbuat demikian.

Perbuatan itu hendaklah bertujuan kebaikan dan bukan bertujuan menceritakan keburukan orang. Antara contoh keadaan yang dibenarkan ialah menceritakan sifat seseorang yang suka menipu bertujuan mengingatkan orang lain agar berhati-hati dan tidak terlalu mudah percaya kepada seseorang.

Tetapi janganlah tokoh tambah cerita. Contohnya, selain cerita sikapnya yang suka menipu, ditambah juga sifatnya suka minum arak dan kaki perempuan.